

LAMPIRAN A

Ruj. Kami : mbsk/04/08/001
Tarikh : 1.8.2018

KENYATAAN ' TENDER ' UNTUK GERAI-GERAI KANTIN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LAKI-LAKI METHODIST, KUALA LUMPUR.

1. Tawaran dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berpengalaman untuk menjalankan perniagaan di Gerai-gerai Kantin Sekolah Menengah Kebangsaan Laki-Laki Methodist, Jalan Hang Jebat, 50150 Kuala Lumpur bagi tempoh 2 tahun mulai 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2020.
2. Borang permohonan bersama-sama senarai harga makanan boleh didapati dengan harga RM10.00 satu set dari pejabat sekolah pada waktu pejabat. Borang yang disediakan sendiri atau melalui surat tidak akan dilayan.
3. Borang hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas. Borang tersebut hendaklah sampai ke pejabat Sekolah Menengah Kebangsaan Laki-Laki Methodist, 50150 Kuala Lumpur, dalam sampul surat berukuran 34 x 24cm dan dilakri serta ditulis ' TENDER UNTUK GERAI KANTIN ' di bahagian atas sudut kiri, sebelum jam 12.00 tengah hari pada 1 Oktober 2018.
4. Tiap-tiap permohonan hendaklah disertakan dengan Wang Pertaruhan sebanyak RM300.00 setiap gerai melalui Kiriman Wang Pos (Money Order) atau Bank Draft berpaling atas rama Pengetua, SMK Laki-Laki Methodist, Kuala Lumpur.
5. Sijil Kursus Pengendalian Makanan dan Sijil Pendaftaran Kewangan (bagi sewa yang melebihi RM 5000 Setahun) mesti disertakan.
6. Permohonan yang tidak lengkap, memenuhi syarat, lewat atau tidak disertakan dengan wang pertaruhan, tidak akan dipertimbangkan.
7. Wang Pertaruhan akan dikembalikan jika petender tidak berjaya. Bagi petender yang berjaya, wang pertaruhan hanya akan dikembalikan setelah tamat tempoh perjanjian dengan menolak kos-kos kerosakan dan kesulitan yang mungkin berlaku.
8. Petender yang berjaya diwajibkan mengurus dan menjalankan perniagaan gerai kantin sekolah ini dengan sendiri. Beliau bertanggungjawab membayar lesen perniagaan kepada pihak Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur dan bayaran-bayaran bekalan elektrik serta air. Beliau juga dikehendaki membayar wang cagaran sebanyak 2 bulan sewa gerai kantin.
9. Petender yang berjaya hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan bersama-sama dengan kakitangan pembantu gerai kantin.

10. Petender yang berjaya hendaklah mengikut peraturan-peraturan dalam Buku Garis Panduan Kantin Sekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan peraturan-peraturan apa-apa jua yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa.

11. Semua makanan yang dijual mestilah halal. Bekalan bahan makanan mesti diperolehi daripada pembekal yang memiliki Sijil Halal daripada Jabatan Agama Islam.

12. Pihak sekolah akan membuat pemilihan berdasarkan sampel makanan yang diuji dan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan Kantin. Pihak sekolah juga berhak menerima atau menolak sebarang permohonan dengan tidak menyatakan sebarang sebabnya.

13. Pemohon yang berjaya akan menerima surat panggilan daripada Pengetua untuk hadir menandatangani Surat Perjanjian Gerai Kantin dalam masa seminggu (7 hari) dari tarikh surat dikeluarkan dan akan dianggap menolak tawaran jika gagal hadir dalam tempoh tersebut. Segala perbelanjaan ditanggung oleh pemohon sendiri.

14. Bilangan murid dan kakitangan sekolah :-

Jumlah murid	:	1032 orang
Kakitangan sekolah	:	102 orang
Bilangan hari persekolahan setahun	:	200 hari selepas ditolak cuti penggal
Sekolah mempunyai 1 sesi	:	Pagi

Gerai-gerai kantin yang dibuka tender ialah

Gerai 1	:	Nasi Campur dan Makanan Cina
Gerai 2	:	Masakan Barat, Jepun dan Fusion
Gerai 3	:	Masakan India/ India Muslim
Gerai 4	:	Mi Masakan Cina
Gerai 5	:	Nasi Lemak dan Masakan Melayu
Gerai 6	:	Minuman dan Buah-buahan
Gerai 7	:	Kekacang dan roti

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menjurut perintah,

(RAVI CHANDRAN KRISHNAN)
Pengetua.